




LOGO PERTANDINGAN MENCIPTA DAN SLOGAN 60 TAHUN SARAWAK MERDEKA



Contoh Format hantaran

A. LATAR BELAKANG

1. Untuk mencipta logo dan slogan sempena **Sambutan Perayaan 60 tahun Sarawak Merdeka**

B. SYARAT DAN TERMA PERTANDINGAN

1. Penyertaan adalah terbuka kepada semua warga Sarawak.
2. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan. Walau bagaimanapun, hanya satu (1) LOGO yang akan dipilih sebagai pemenang.
3. Semua ciptaan mestilah **asli** dan **tidak diveduk/ditiru/diciplak** daripada mana-mana logo tempatan mahupun luar negara.
4. Reka bentuk mestilah baharu dan asli serta tiada unsur atau elemen yang boleh dianggap sensitif dan boleh menyinggung mana-mana pihak.
5. Semua logo dan slogan yang diterima akan menjadi hak milik Unit Komunikasi Awam Sarawak dan tidak akan dikembalikan. Unit Komunikasi Awam Sarawak berhak terhadap logo dan slogan yang dipilih sama ada untuk dipinda atau diubah suai bagi maksud untuk digunakan atau dipamerkan atau dicetak dalam mana-mana acara rasmi dan bahan promosi lain yang difikirkan wajar tanpa perlu membuat sebarang notis atau bayaran kepada peserta.
6. Penganjur **BERHAK** mengubah suai dan meminda reka bentuk logo yang diterima sekiranya perlu.

C. SPESIFIKASI REKA BENTUK LOGO

1. Reka bentuk hendaklah dihasilkan menggunakan salinan lembut (softcopy) menggunakan format AI (Adobe Illustrator), PDF atau JPEG (Adobe Photoshop) bersaiz 29.7cm x 21cm (300dpi) Lanskap (seperti contoh format hantaran).
2. Resolusi minimum 1280 x 960 (300dpi) dan menggunakan perisian yang bersesuaian.
3. Rekaan Logo hendaklah disertakan dengan keterangan atau penjelasan (rasional) ke atas reka bentuk logo 60 tahun Sarawak Merdeka Dalam Malaysia dan simbol serta warna yang digunakan dapat menterjemah fungsi logo.
4. Reka bentuk logo hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) warna tetapi tidak melebihi empat (4) warna.
5. Reka bentuk tidak terikat dengan simbol 'Burung Kenyalang' dan konsep 'digitalisasi' harus diterapkan dalam rekaan logo.
6. Reka bentuk hendaklah menarik, jelas, mudah dan kemas.

D. TEMPOH PENYERTAAN

1. Tempoh penyertaan ialah 2 Februari 2023 hingga 19 Februari 2023.
2. Penyertaan hendaklah dihantar ke **E-mel: sethap.ukas@gmail.com** (Sebarang penghantaran selain e-mel di atas tidak akan diterima)
3. Pegawai yang boleh dihubungi:
 - **Puan Nadea Melissa :**
E-mel: nadeam@sarawak.gov.my **(011-19187379)**
 - **Encik Mohd Yusrizul Abdullah :**
E-mel: myusrizula@sarawak.gov.my **(012-5998901)**

E. PANEL PENILAI

1. Penilaian akan dibuat oleh satu Jawatankuasa Penilai yang dilantik.
2. Semua penyertaan adalah tertakluk kepada keputusan **MUKTAMAD** oleh Panel Penilai.
3. Panel Penilai berhak untuk membatalkan penyertaan pada mana-mana peringkat pertandingan sekiranya didapati peserta tidak mematuhi mana-mana syarat yang dinyatakan.
4. Panel Penilai berhak mengubahsuai dan meminda reka bentuk logo dan slogan yang terpilih sekiranya perlu.
5. Logo dan slogan yang terpilih akan digunapakai dan menjadi **HAK MILIK KERAJAAN SARAWAK**.

HADIAH

UTAMA

Wang tunai **RM5,000.00**
dan **sijil penyertaan**.

KEDUA

Wang tunai **RM4,000.00**
dan **sijil penyertaan**.

KETIGA

Wang tunai **RM3,000.00**
dan **sijil penyertaan**.

SAGUHATI

Lima (5) Hadiah Saguhati bernilai **RM1000.00** setiap seorang
dan **sijil penyertaan**.

TARIKH TUTUP PENYERTAAN : 19 FEBRUARI 2023